



THE SYUKRAN PROJECT

Group member

NOR AZAM BIN ABDULLAH

MOHD AZNI BIN ABU HASSAN

NUR FATIN ATHIRAH BINTI ZAINI

ABSTRACT

The Syukran Project adalah satu program pembudayaan amalan berterima kasih dalam kalangan warga SMA Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Program ini diinspirasikan daripada saranan Nabi SAW yang bermaksud “seseorang tidak dikira bersyukur kepada Allah selagi mana dia tidak berterima kasih kepada manusia”. Malah Sturd dan Nordstrom (2016) telah mengenal pasti kemahiran berterima kasih sebagai salah satu daripada empat kemahiran insaniah yang wajib dimiliki untuk berjaya dalam dunia bisnes masa kini. Dalam program ini, warga SMA MAIWP menulis nota terima kasih mereka pada sekeping kertas dan melekatkannya pada Papan Syukran yang ditempatkan di tempat-tempat strategik di sekolah dan asrama. Nota terima kasih mereka perlu menepati syarat 2S iaitu *Sincere* (ikhlas) dan *Specific* (spesifik). Nota Syukran akan dimuatkan dalam Buku Syukran dan Instagram TheSyukranProject untuk tatapan semua. Projek ini telah memenangi tempat pertama dalam Pertandingan Amalan Terbaik Kaunseling peringkat Wilayah Persekutuan tahun 2018 dan mendapat Anugerah Perak pada peringkat kebangsaan. Penulisan ilmiah mengenai *The Syukran Project* telah diterbitkan dalam Jurnal Pendidikan MPSM dan telah dibentangkan dalam International Seminar on Islamic School Management, Phnom Penh, Kemboja pada tahun 2018. Program ini telah berjaya membentuk amalan berterima kasih antara warga SMA MAIWP, sekaligus menyemarakkan lagi kemesraan.

INTRODUCTION


Sturd dan Nordstrom (2016) telah mengenal pasti kemahiran berterima kasih sebagai salah satu daripada empat kemahiran insaniah yang wajib dimiliki untuk berjaya. Walaupun begitu satu eksperimen sosial di Amerika Syarikat mendapati 38% orang yang menerima khidmat langsung tidak mengucapkan terima kasih. Oleh kerana itu, satu program khusus untuk membudayakan amalan berterima kasih dalam kalangan murid perlu dirangka, memandangkan mereka bakal mewarisi dunia masa akan datang.

Di SMA MAIWP, budaya berterima kasih telah dibugarkan melalui satu program inovatif yang dinamakan The Syukran Projek.

PRODUCT DESCRIPTION/ INNOVATION IN BRIEF

The Syukran Project adalah satu program pembudayaan amalan berterima kasih dalam kalangan warga SMAMAIWP. Apabila ingin menghargai seseorang, warga SMA MAIWP menulis nota terima kasih mereka pada sekeping kertas dan melekatkannya pada Papan Syukran yang ditempatkan di tempat-tempat strategik di sekolah dan asrama. Nota terima kasih mereka perlu menepati syarat 2S iaitu *Sincere* (ikhlas) dan *Specific* (spesifik). Setiap hujung minggu, Jawatankuasa projek akan mengutip Nota Syukran, melekatkannya dalam the Buku Syukran dan memuatkannya dalam Instagram TheSyukranProject. Dengan adanya Projek Syukran ini, amalan berterima kasih menjadi aktiviti yang menyeronokkan, baik kepada pemberi maupun penerima.

METHODOLOGY



SHARIAH COMPLIANCES

Projek syukran membantu memupuk sifat bersyukur dan berterima kasih dalam kalangan murid. Sifat ini sangat disaranakan oleh Baginda Nabi Muhammad SAW.

Oleh itu projek ini tergolong dalam kategori maqasid shar'iyyah “Hifz Al-Din” atau menjaga agama.

SIGNIFICANCES

The syukran project signifikan dan amat penting kerana program ini mengajar murid untuk pandai berterima kasih.

hasil eksperimen sosial yang dijalankan oleh baby gizmo, sebuah badan pendidikan di amerika syarikat mendapati 38% orang yang mendapat khidmat atau bantuan tidak mengucapkan terima kasih.

Tanpa program membudayakan amalan terima kasih seperti projek syukran ini, dikhawatir masyarakat akan semakin individualistik dan hanya berfikir tentang kepentingan diri sendiri sahaja.


NOVELTY/ ORIGINALITY

The syukran project adalah program yang autentik dalam membentuk budaya berterima kasih.

Keasliannya ini dibuktikan apabila the syukran project telah diterbitkan dalam Jurnal MPSM Kebangsaan 2018. *The Syukran Project* juga telah dibentangkan dalam International Seminar on Islamic School Management, Phnom Penh, Kemboja dalam tahun yang sama.

The Syukran Project juga memenangi pertandingan Amalan Terbaik Kaunseling peringkat WP Kuala Lumpur dan Anugerah Perak di peringkat Kebangsaan.

AWARDS :: PUBLICATION :: PATTERNS



- Tempat pertama dalam Pertandingan Amalan Terbaik Kaunseling peringkat Wilayah Persekutuan
- Anugerah Perak kategori Pameran Kaunseling dalam Simposium HEM Kebangsaan 2018
- Diterbitkan dalam Jurnal Pendidikan MPSM 2020.